



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Website: (English, BM, Chinese & Tamil)
<https://consumer.org.my>

facebook.com/ConsumerAssociationPenang
twitter.com/consumer_penang
instagram.com/consumer_penang

Kenyataan Akhbar

18 Oktober 2025

Jualan Mercun di Little India Menimbulkan Risiko Kebakaran yang Serious

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) amat bimbang terhadap penjualan mercun di kawasan Little India yang sesak ketika musim perayaan.

Kawasan ini penuh dengan gerai dan kanopi, meninggalkan sedikit sahaja ruang dan mewujudkan bahaya kebakaran yang serius. Kebanyakan gerai ini tidak dilengkapi dengan betul, kerana ia tidak mempunyai alat pemadam api, penyimpanan yang selamat dan langkah keselamatan asas.

Satu percikan api di tempat yang sesak seperti itu boleh menyebabkan kebakaran besar, membahayakan nyawa, kedai dan rumah.

CAP menggesa Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) segera memeriksa kawasan itu dan mengambil tindakan sebelum sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Mercun hanya boleh dijual oleh kedai berlesen yang mematuhi peraturan keselamatan. Pihak berkuasa tempatan mestilah menghentikan penjualan haram dan memastikan keselamatan awam diutamakan.

Mencegah lebih baik daripada berlakunya bencana.

Mohideen Abdul Kader
Presiden,
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)